

15 SEP 2003

Abdullah-China

HUBUNGAN CHINA-MALAYSIA KINI DI TAHAP TERBAIK

Oleh: Khairdzir Yunus

BEIJING, 15 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri China Wen Jiabao menyifatkan hubungan dua hala antara Malaysia dan China kini pada tahap terbaik dalam sejarah hubungan antara kedua-dua negara.

Perkara itu dinyatakan beliau kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam pertemuan mereka di sini, hari ini.

Abdullah yang kini dalam rangka lawatan rasmi lima hari ke China bermula semalam memberitahu persidangan media selepas pertemuan itu bahawa Perdana Menteri China itu juga turut menyatakan harapannya agar beliau (Abdullah) dapat terus mempertingkatkan lagi hubungan erat yang sedia terjalin apabila beliau mengambil alih kepimpinan Malaysia nanti.

Selain mengadakan kunjungan hormat terhadap Wen Jiabao, Abdullah juga mengadakan pertemuan dengan Naib Perdana Menteri China Huang Ju hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata dalam pertemuannya dengan kedua-dua pemimpin tertinggi China itu, beliau telah memberi jaminan akan berusaha untuk memperkukuhkan lagi hubungan dua hala yang sedia ada.

"Kedua-dua pemimpin China itu melihat kita sebagai rakan yang baik dan hubungan dua hala yang wujud antara kedua-dua negara sangat erat," katanya.

Abdullah akan mengambilalih jawatan Perdana Menteri apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara selepas sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan dianjurkan oleh Malaysia bulan depan.

Abdullah berkata Perdana Menteri China telah menyatakan kepada beliau bahawa peluang untuk mempertingkatkan lagi hubungan memang ada dan berharap perdagangan dua hala antara Malaysia dan China dapat dipertingkatkan lagi kepada US\$20 bilion pada tahun depan.

(Dagangan Malaysia-China pada tahun lepas berjumlah US\$14 bilion dan jumlah bagi separuh pertama tahun ini ialah sebanyak US\$8.7 bilion).

Mengenai kedatangan lebih 200 ahli perniagaan Malaysia ke sini bagi mengiringi lawatannya itu, Abdullah berkata kedua-dua pemimpin China itu mengalu-alukan kedatangan mereka.

Pihak China berharap kedatangan usahawan Malaysia itu memberi mereka peluang untuk mengadakan kerjasama dengan rakan-rakan mereka di China.

Katanya Naib Perdana Menteri China turut mengenal pasti bidang-bidang yang perlu diberi perhatian oleh sektor swasta kedua-dua negara seperti bidang teknologi tinggi, bioteknologi, ICT dan bidang angkasa lepas.

"Kita juga turut memberi perhatian kepada bidang pertanian yang berkaitan dengan akuakultur dan beras," kata Abdullah, sambil menambah kata bahawa China turut menyatakan cadangannya untuk membuat lebih banyak pelaburan di Malaysia terutama dalam projek Bio Valley di Malaysia yang membabitkan bidang-bidang farmaseutikal dan industri herba.

Mengenai isu antarabangsa, katanya, China menegaskan pendiriannya menyokong multilateralisme dan akan memainkan peranan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menyokong multilateralisme sebagai usaha penting dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi dunia.

Timbalan Perdana Menteri berkata China juga turut menentang keganasan dan sedia untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam menentang keganasan.

Pemimpin tertinggi China itu turut menyatakan mengenai usaha China mewujudkan rakan strategik di kalangan negara-negara Asean dan beliau menyatakan sokongan Malaysia terhadap dasar China itu.

Abdullah berkata beliau turut meminta pemimpin-pemimpin China itu untuk mengadakan kerjasama yang lebih luas lagi dalam bidang pendidikan.

Sementara itu, Abdullah berkata kedua-dua pemimpin China itu turut

menyatakan kepada beliau persetujuan negara itu terhadap perjanjian Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC) dan dijangka menandatangani pada Sidang Kemuncak Asean di Bali pada 7 dan 8 Oktober depan.

"Ini satu perkembangan yang baik," kata Abdullah.

-- BERNAMA

KHY HS PR